

*Info Terkini*

# KONVO

KONVOKESYEN KE-58 | SESI I | 29 APRIL 2017 | 2 SYAABAN 1438H | BIL. 83/2017



**PERASMIAN FESTIVAL  
KONVOKESYEN KE-58**  
**UTM TERUSKAN TRADISI RAI PARA GRADUAN**

**Raptai Konvokesyen  
Ke-58 UTM**  
**BERJALAN LANCAR, PENUH MERIAH**

**5 EXCELLENCE  
TRACK PROGRAM (5ETP)**

Sekali Lagi Diberi Kepercayaan Kendali FESKO58

# **5 EXCELLENCE TRACK PROGRAM (5ETP)**


**Sekali Lagi Diberi Kepercayaan Kendali FESKO58**

Johor Bahru, 25 April – Dalam ucapan aluan bersempena Majlis Perasmian Festival Konvokesyen ke-58 UTM, Mohd Fahmi bin Mohamad, Pengarah FESKO58 berkata, “Intellectual, Inspiring, Interactive merupakan tema Festival Konvokesyen ke-58 UTM yang berkonsepkan mahasiswa minda kelas pertama dari aspek intelektual serta dapat menjadi contoh dan inspirasi di samping mempunyai aura tersendiri dalam berinteraksi dan berkomunikasi sesama warga universiti dan sekitarnya sekali gus dapat mencorak diri menerusi aktiviti sepanjang festival ini dijalankan.”

“Penganjuran festival konvokesyen adalah bertujuan untuk menghargai para graduan yang baru sahaja tamat pengajian dan akan bergraduasi pada 29-30 April 2017.” Menurut beliau lagi, “5 Excellence Track Program (5ETP) dengan tagline “Awesome 58 People” amat berbangga kerana diberi kepercayaan sekali lagi untuk menganjurkan Festival Konvokesyen ke-58 ini selepas kejayaannya dalam penganjuran FESKO56 dan Global Islamic Festival.”

Mengakhiri ucapannya, Mohd Fahmi berharap festival konvokesyen sebegini akan menjadi penanda aras kepada penganjuran festival konvokesyen yang seterusnya pada masa akan datang.





# Raptai Konvokesyen ke-58 UTM BERJALAN LANCAR, PENUH MERIAH

Johor Bahru, 24 April – Sesi Raptai Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kali ke-58 bertemakan “Lestari”, yang diadakan di Dewan Sultan Iskandar berjalan lancar dan penuh meriah dengan kehadiran para ibu bapa dan graduan. Pengisian raptai yang berlangsung selama hampir setengah hari itu adalah bertujuan memberi panduan khusus kepada para graduan serta ibu bapa mengenai perjalanan konvokesyen pada hari sebenar.

Encik Asram Sulaiman, selaku penyelaras konvokesyen memberi taklimat tentang tatacara graduan berada di pentas ketika majlis berlangsung kelak. Selain mengucapkan tahniah dan syabas kepada para graduan, perkara yang ditekankan ketika majlis berlangsung ialah pakaian graduan dan cara mereka memberi hormat semasa menerima ijazah. Para graduan diingatkan berpakaian kemas dan saling meraikan antara satu sama lain bagi memeriahkan majlis. Beliau juga mengucapkan terima kasih atas kehadiran para ibu bapa dan graduan yang memberangsangkan dalam sesi raptai yang diadakan.

Seterusnya, taklimat mengenai pengambilan gambar oleh Kelab Fotokreatif UTM. Penerangan tentang bagaimana gambar para graduan yang berada di atas pentas diambil semasa sesi konvokesyen berlangsung. Graduan diingatkan agar memberi kerjasama kepada jurugambar bagi memastikan gambar yang dihasilkan kelihatan cantik dan kemas.

Manakala, Encik Azri Hohad pula memberi penerangan tentang cara yang betul graduan menerima album ijazah. Lakonan semula turut dilakukan oleh para petugas untuk memberi gambaran sebenar semasa graduan berada di atas pentas, iaitu cara berjalan, ketika menerima album ijazah, serta ucapan hormat kepada pemberi ijazah. Para graduan juga diingatkan supaya mematuhi setiap



arahuan bagi memastikan majlis berjalan dengan lancar.

Tayangan video taklimat keselamatan turut dipertontonkan semasa raptai penuh berjalan. Video ini menerangkan perkara yang perlu dilakukan oleh para graduan dan tetamu seandainya berlaku sebarang kecemasan semasa Majlis Konvokesyen. Para hadirin juga diingatkan supaya mendapatkan bantuan segera daripada petugas sekiranya menghadapi masalah kesihatan. Hadirin juga diingatkan supaya memberi kerjasama sepenuhnya agar dapat memeriahkan lagi suasana Majlis Konvokesyen pada kali ini.



# PERASMIAN FESTIVAL KONVOKESYEN KE-58

## UTM TERUSKAN TRADISI RAI PARA GRADUAN

Johor Bahru, 25 April 2017 - Festival Konvokesyen ke-58 (FESKO58), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dirasmikan dengan penuh meriah dan berwarna-warni oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Ismail bin Abd. Aziz, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni) UTM. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pegawai-pegawai Kanan Universiti, Dekan-dekan fakulti, Pengetua-pengetua Kolej, Majlis Perwakilan Mahasiswa, rakan media UTM, tenaga penggerak festival, para graduan, mahasiswa dan mahasiswi, serta masyarakat sekitar.

Dalam ucapan aluannya, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Ismail bin Abd. Aziz mengucapkan tahniah kepada semua graduan UTM, iaitu seramai 366 orang graduan ijazah kedoktoran, 852 orang graduan ijazah sarjana, 752 orang graduan ijazah sarjana muda, serta 88 orang graduan ijazah yang bakal menerima ijazah masing-masing. "Saat-saat graduan universiti menaiki pentas untuk menerima segulung ijazah merupakan detik bersejarah yang tidak akan dilupakan dan ia turut sama diraikan oleh kedua-dua

ibu bapa, sanak-saudara serta pelawat yang berkunjung ke UTM. Tahniah diucapkan kepada semua graduan."

Simbolik perasmian FESKO58 bermula apabila Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni) UTM menurunkan tandatangan beliau sebagai tanda simbolik gimik perasmian di 'tablet' FESKO58 diikuti dengan tayangan montaj. Majlis diteruskan dengan persembahan nyanyian dan tarian, serta persembahan artis.

Festival Konvokesyen UTM ke-58 ini yang bermula dari 25 April-2 Mei 2017, bertempat di Dataran UTM, Johor Bahru adalah anjuran 5 Excellence Tracks Programme (5ETP). Selain menampilkan selebriti terkemuka seperti Aizat Hamdan, Faizal Tahir, Azlan, Sufian Suhaimi, dan Khalifah, FESKO58 turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang festival berlangsung kepada para pengunjung dari pelbagai peringkat umur, antaranya ialah larian amal *Run with Hope*, *Southern King Futsal*, *Cats House Show*, forum keagamaan, dan lain-lain lagi.



# APAKATA MEREKA

*"My appreciation to my supervisors  
for all the support over the years.  
Thank you."*

Dr. Ngui Wai Keng  
Ph.D. in Mechanical Engineering

*"Persekutaran pembelajaran yang tenang dan  
pensyarah yang berdedikasi serta komited dalam  
pengajaran membuatkan UTM sentiasa di hati  
saya."*

Muhammad Nur Syafie Ramli  
Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia

*"After all of this struggle year, I've  
achieved the scroll. Thanks UTM."*

Betlen Paukin  
Diploma Pengurusan Teknologi  
Program Kerjasama UTM- Kolej Yayasan Sabah

*"UTM is the best. I feel really  
honoured to be part of UTM  
Alumni."*

Mohamad Ainuddin Wahidin  
Sarjana Muda Sains Kimia Industri

*"UTM merupakan tempat pembelajaran yang  
terbaik di Malaysia. Saya berbangga diberi  
peluang melanjutkan pengajian saya di sini. UTM  
sentiasa di hati. Terima kasih."*

Mohd Zarul Adli Che Zakaria  
Sarjana Muda Sains Kimia Industri

*"My supervisors are marvellous.  
UTM has groom me into a better  
person."*

Dr. Lim Kar Sing  
Ph.D. in Civil Engineering




# PROGRAM FESKO KE-58 UTM

29 APRIL 2017 (SABTU)



# PROGRAM FESKO KE-58 UTM

30 APRIL 2017 (AHAD)



## INFO TERKINI KONVO

PENAUNG:  
Hj. Wan Mohd Zawawi Bin Wan Abd. Rahman

SIDANG PENGARANG: Ungku Haliza Ungku Zahar (Ketua Editor), Salina, Diyana, Hafifi, Fadhlil, Khairi, Sahrina

GRAFIK: Hafizah, Hairi

FOTO: Nor Azman, Nizam, Isyamfazrin

LAMAN SESAWANG: Zuraida LOGISTIK: Suhaiimi

Hakcipta Terpelihara © Universiti Teknologi Malaysia

<http://web.utm.my/convocation/>  
facebook: Info Terkini Konvo UTM